

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JKE 213 – Wang dan Perbankan**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan. Soalan Bahagian A hendaklah dijawab di dalam Borang OMR. Soalan Bahagian B hendaklah dijawab di ruangan kosong yang disediakan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A diperuntukkan 24 markah dan Bahagian B diperuntukkan 76 markah.

**BAHAGIAN A (24 markah)**

Jawab SEMUA soalan berikut.

Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang terbaik daripada senarai alternatif yang disediakan. Tandakan pilihan anda di dalam Borang OMR.

1. Yang manakah antara berikut tidak melibatkan pengantaraan kewangan?
  - A. Membeli tabung unit amanah
  - B. Membeli polisi insurans daripada Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd.
  - C. Membeli sijil simpanan premium BSN
  - D. Mengirim wang ke luar negeri melalui pemindahan telegraf
  - E. Tiada jawapan di atas
2. Kecekapan pengantaraan kewangan berpunca daripada yang berikut, kecuali:
  - A. pengurangan kos pembiayaan
  - B. penyebaran risiko peminjaman
  - C. pemadanan cukup tempoh dana
  - D. penwujudan kecairan oleh institusi kewangan
  - E. kecekapan institusi kewangan dalam menguruskan aset dan liabiliti
3. Tanpa fungsi \_\_\_\_\_, seseorang terpaksa menggunakan masa yang banyak untuk membeli belah sebab masalah penemuan kehendak beregu.
  - A. Ukuran nilai
  - B. Unit akaun
  - C. Simpanan nilai
  - D. Pembayaran tertunda
  - E. Alat perantaraan pertukaran
4. Antara pernyataan-pernyataan berikut, manakah yang tidak benar:
  - A. Kemunculan alat-alat kewangan baru yang cair membolehkan pihak bank mengamalkan teori boleh anjak
  - B. Teori pengurusan liabiliti bermakna bank boleh meminjam kecairan daripada pendepositnya
  - C. Teori pendapatan dijangka mencadangkan supaya bank memegang aset-aset yang boleh dijadikan tunai dengan cepat
  - D. Doktrin Bil Benar membolehkan bank mengeluarkan pinjaman berjangka pendek untuk tujuan perdagangan
  - E. Fungsi utama bank perdagangan ialah menyalurkan dana daripada unit lebihan kepada unit kurangan

5. BNM menyelaraskan dan menyeragamkan nisbah rizab berkanun yang dikenakan atas berlainan jenis institusi perbankan kerana tujuan-tujuan berikut:
- supaya BNM memperolehi dana yang sama banyak daripada semua jenis institusi
  - meningkatkan pulangan yang didapati oleh institusi perbankan berkenaan
  - meningkatkan paras kewaspadaan institusi perbankan berkenaan
  - menggalakkan persaingan lebih saksama antara institusi perbankan berkenaan
  - membolehkan institusi perbankan berkenaan bersaing dengan institusi kewangan lain
6. Institusi perbankan jarang membiayai projek-projek permodalan jangka panjang kerana:
- sekuriti jangka panjang terlalu tinggi kecairan
  - BNM tidak menggalakkan institusi perbankan memberi pembiayaan jangka panjang
  - terdapat pasaran sekunder bagi sekuriti berkenaan
  - projek-projek itu mempunyai risiko yang lebih tinggi
  - teori bank yang diamalkan oleh jurubank tidak membenarkan pembiayaan seumpama itu
7. Faktor-faktor berikut telah mempengaruhi dasar deregulasi kewangan di Malaysia, kecuali:
- Kemajuan dan aplikasi teknologi komunikasi dan maklumat
  - Usaha bank-bank berinovasi untuk mengelakkan regulasi
  - Memudahkan proses penggabungan institusi perbankan
  - Ancaman cabaran pencejagatan dan persaingan institusi kewangan antarabangsa
  - Usaha memupuk persaingan yang lebih saksama antara institusi kewangan
8. Berikut adalah akibat liberalisasi dan deregulasi kewangan, kecuali:
- teknologi maklumat digunakan dengan luas dalam bidang perbankan
  - sempadan antara berlainan jenis institusi kewangan semakin kabur
  - persaingan di antara institusi kewangan menjadi semakin sengit
  - semakin banyak inovasi kewangan telah terhasil
  - bank-bank mencari jalan mengatasi peraturan yang menyekat kebebasannya

9. Berikut adalah jenis-jenis alat derivatif kewangan, kecuali:
- A. Kontrak depan
  - B. Kontrak futures
  - C. Kontrak opsyen
  - D. Kontrak swap
  - E. Kontrak lindung nilai
10. Malaysian Derivatives Exchange (MDEX), yang mula beroperasi pada pertengahan tahun 2001, merupakan hasil gabungan institusi-institusi berikut:
- i. MME (Malaysia Monetary Exchange)
  - ii. KLCE (Kuala Lumpur Commodity Exchange)
  - iii. COMMEX (Commodity & Monetary Exchange of Malaysia)
  - iv. KLOFFE (Kuala Lumpur Options & Financial Futures Exchange)
- A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. iii dan iv
  - D. i dan iv
  - E. ii dan iv
11. Berikut adalah ciri-ciri pasaran ekuiti sekunder Malaysia, kecuali:
- A. Saluran utama untuk korporat-korporat besar memperoleh pembiayaan
  - B. Antara pasaran terbesar di ASEAN dan juga Asia
  - C. Berkembang pesat pada dekad 1990-an sebab program penswastaan perusahaan kerajaan
  - D. Pada dekad 1990-an, nilai pemodalaman pasaran sentiasa melebihi nilai KDNK
  - E. Didominasi oleh sekuriti kerajaan Malaysia dan pelabur runcit
12. Berikut adalah ciri-ciri tabung unit amanah di Malaysia:
- A. Berbentuk oligopoli kerana dikuasai oleh ASN dan ASB
  - B. Pengenalan tabung baru dan penambahan saiz tabung harus mendapat kebenaran BNM
  - C. Mempelbagaikan pelaburan dan menghapuskan risiko pelabur kecil
  - D. Merupakan saluran untuk menggerakkan tabungan orang ramai ke dalam pasaran wang
  - E. Merupakan pelabur institusi terbesar di pasaran saham Malaysia

13. Pernyataan-pernyataan berikut berkenaan dengan ASN dan ASB adalah benar, kecuali:
- A. Tabung ASN dan ASB sejenis alat pelaburan
  - B. Tabung ASN dan ASB sejenis alat tabungan
  - C. ASN dan ASB bukan pelabur institusi terbesar di Malaysia
  - D. Tabung ASN dan ASB menyebarkan risiko pelaburan
  - E. ASN dan ASB bukan tabung amanah yang terbesar di Malaysia
14. Bagi sesuatu sekuriti hutang yang diedarkan dalam pasaran kewangan Malaysia:
- A. pihak penerbit selalu mempunyai lebih maklumat daripada pihak pelabur
  - B. pihak pelabur selalu mempunyai lebih maklumat daripada pihak penerbit
  - C. pihak penerbit selalu mempunyai maklumat yang sama dengan pihak pelabur
  - D. pihak penerbit dikehendaki untuk memaklumkan segala maklumat mengenai syarikatnya
  - E. pihak pelabur berhak menuntut maklumat terkini daripada pihak penerbit
15. Institusi penarafan ditubuhkan untuk
- A. memberi nasihat kepada pelabur tentang jual-beli bon-bon korporat
  - B. memudahkan korporat-korporat memperolehi dana pelaburan dari pasaran modal
  - C. meningkatkan ketelusan operasi korporat-korporat yang menerbitkan sekuriti ekuiti
  - D. membekal maklumat terkini dan jitu kepada semua pelabur-pelabur pasaran sekuriti
  - E. menilai dan melaporkan risiko kredit dan risiko kemuflisan korporat-korporat dalam pasaran ekuiti
16. Bon Dana modal mempunyai ciri-ciri berikut, kecuali:
- A. Berkadar kupon sifar dan boleh ditebus.
  - B. Membawa wajaran risiko sifar untuk tujuan nisbah keperluan modal.
  - C. Boleh diniagakan dalam pasaran sekunder,
  - D. BNM, selaku pemberi pinjaman terakhir, menyediakan kemudahan pendiskaunan.
  - E. Diterbitkan untuk membiayai pembelian hutang tak berbayar korporat-korporat tertentu.

17. Berikut adalah perkembangan utama pasaran modal baru-baru ini, kecuali:
- A. Suruhanjaya Sekuriti memperkenalkan Pelan Induk Pasaran Modal
  - B. Peningkatan pengurusan korporat dan perlindungan pemegang saham minoriti
  - C. Syarikat awam yang disenaraikan (PLC) dikehendaki membuat laporan penyata kewangan pada setiap suku tahun
  - D. Bon Islam dilancarkan untuk menggiatkan pasaran perbankan Islam
  - E. Syarikat pembrokeran sekuriti universal diperkenalkan
18. Faktor-faktor berikut menyebabkan kemunculan pasaran pertukaran asing, kecuali:
- A. peluang memperolehi keuntungan arbitraj
  - B. ketidakpastian dan keruapan kadar tukaran asing
  - C. keperluan mata wang asing kerana aktiviti perdagangan antarabangsa
  - D. keperluan melindungi pendedahan pembayaran perdagangan antarabangsa
  - E. keperluan bank-bank pusat menguruskan rizab antarabangsa
19. Kos mengamalkan sistem kadar pertukaran terapung yang ditentukan oleh kuasa pasaran adalah:
- A. Rendah bagi negara-negara kecil
  - B. Tinggi bagi negara-negara kecil
  - C. Tinggi bagi negara-negara besar
  - D. Sama bagi negara-negara besar dan kecil
  - E. Tiada jawapan di atas
20. Pada waktu sekarang, Singapura dan Jepun masing-masing mengamalkan peraturan pertukaran:
- i. Lembaga mata wang
  - ii. Pengapungan bebas
  - iii. Pengapungan terurus
  - iv. Pemancangan kepada mata wang lain
- A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. iii dan iv
  - D. iii dan ii
  - E. i dan iv

21. Pada waktu sekarang, Perancis mengamalkan peraturan pertukaran:
- A. Lembaga mata wang
  - B. Pengapungan bebas
  - C. Pengapungan terurus
  - D. Pemancangan kepada mata wang lain
  - E. Mata wang lain dijadikan wang tender sah
22. Pemancangan Ringgit kepada dolar AS pada September 1998 memanfaatkan ekonomi kita atas sebab-sebab berikut, kecuali:
- A. Kebanyakkan perdagangan luar kita diurusniagakan dalam dolar AS
  - B. Program pemulihan ekonomi tidak akan tergugat oleh ketidakstabilan kadar pertukaran asing.
  - C. Kadar bunga domestik dapat diturunkan
  - D. Tiada kemungkinan salah jajaran mata wang
  - E. Kepastian kadar memudahkan peniaga dalam penentuan kos dan harga
23. Pernyataan-pernyataan berikut yang berkaitan dengan Persidangan Bretton Woods 1944 adalah benar, kecuali:
- A. Sistem pertukaran tetap diperketatkan
  - B. Dolar Amerika Syarikat diikat pada emas
  - C. Dolar Amerika Syarikat boleh ditukar kepada emas pada kadar AS\$32 seauks
  - D. Setiap negara mengekalkan kadar pertukaran asingnya dengan cara membeli dan menjual mata wangnya terhadap dolar AS
  - E. 'Standard emas-dolar' mula diamalkan
24. Dalam tempoh 1945-70, dolar AS memainkan peranan-peranan berikut dalam perdagangan dunia, kecuali:
- A. Mata wang rizab
  - B. Mata wang urus niaga
  - C. Mata wang tender sah
  - D. Mata wang campur tangan
  - E. Tiada jawapan di atas

**BAHAGIAN B (76 markah)**

Jawab SEMUA soalan.

Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan sahaja.

Semua jalan pengiraan mesti ditunjukkan.

2. (a) Setiap jenis agregat kewangan atau bekalan wang terdiri daripada beberapa komponen. Di dalam ruang di bawah, tuliskan komponen-komponen berkenaan.

M1 =

M2 =

M3 =

(6 markah)

- (b) Apakah prinsip yang digunakan untuk membezakan agregat-agregat kewangan M1, M2, dan M3? Sejauh manakah prinsip itu dipengaruh oleh kemajuan teknologi?

(6 markah)

- (c) Dengan menggunakan Jadual A.28 yang dilampirkan, jawab soalan-soalan berikut:

- i) Tunjukkan bagaimakah anda boleh memperoleh nilai agregat kewangan M1 seperti pada akhir tahun 2001.

- ii) Tunjukkan bagaimanakah anda boleh memperoleh nilai agregat kewangan M3 seperti pada akhir tahun 2001 (Tunjukkan nilai komponen-komponennya).
- iii) Berdasarkan Jadual A.28, isikan jadual berikut untuk mendapatkan nilai penentu-penentu agregat kewangan M3 seperti pada akhir 2001.

<u>Penentu-penentu Agregat Kewangan</u>	<u>RM juta</u>
Urusan kredit sektor awam	
Deposit sektor awam	
<b>Urusan bersih sektor awam</b>	
<b>Urusan kredit sektor swasta</b>	
<b>Urusan bersih sektor luar</b>	
<b>Pengaruh-pengaruh lain</b>	
Agregat Kewangan M3	
- Separa wang secara luas	
Agregat Kewangan M1	

(14 markah)

...10/-

3. Jawab soalan-soalan berikut dengan merujuk kepada Jadual IV.6 Bank Perdagangan: Sumber dan Kegunaan Dana, yang dilampirkan.

- (a) Berdasarkan maklumat di dalam Jadual IV.6, isi dan lengkapkan jadual di bawah untuk setiap butiran yang disenaraikan. Isikan jumlah nilai (RM juta) dan hitungan peratusan setiap butiran itu daripada jumlah sumber/kegunaan dana sistem bank perdagangan.

#### SUMBER DAN KEGUNAAN DANA TERPILIH

Butiran	1996		1997		1998	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
<b>Sumber Dana</b>						
Modal & rizab						
Deposit						
Jumlah yg akan dibayar kpd inst. lain						
<b>Guna Dana</b>						
Tunai & rizab dengan BNM						
Sekuriti boleh niaga						
Pelaburan						
Pinjaman						
<b>Jumlah</b>						

(7 markah)

- (b) Terangkan maksud dan apakah yang terkandung dalam setiap butiran di dalam jadual di atas.
- i) Modal & rizab
  - ii) Deposit
  - iii) Jumlah yang akan dibayar kepada institusi lain
  - iv) Tunai & rizab dengan BNM
  - v) Sekuriti boleh niaga
  - vi) Pelaburan
  - vii) Pinjaman

(14 markah)

- (c) Pilih satu (1) daripada butiran berikut,

- modal & rizab
- deposit
- tunai & rizab dengan BNM

- i) komen tentang perubahan peratusannya bagi tahun 1996, 1997 dan 1998.
- ii) pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan perubahan itu?

(7 markah)  
...12/-

4. (a) Huraikan tiga (3) fungsi utama pasaran kewangan

(6 markah)

(b) Jelaskan tiga ciri yang membezakan pasaran modal dan pasaran wang.

(6 markah)

(c) Masing-masing dalam tidak melebihi 120 patah perkataan, huraikan ciri-ciri dan/atau fungsi dua (2) daripada yang berikut:

- i) Suruhanjaya Sekuriti
- ii) Pelan Induk Pasaran Modal 2001-2010
- iii) Institusi penarafan kredit
- iv) Sijil/instrumen deposit boleh niaga

Tulis jawapan anda di dalam m.s. 13 sahaja.

(10 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[JKE 213]

- 13 -

GUNAKAN RUANG DALAM MUKA SURATINI SAHAJA UNTUK MENJAWAB  
SOALAN 4 (c)

- 0000000 -

...14/-

**Jadual A.28**  
**Wang Secara Luas (M3)**

	Perubahan tahunan					Pada akhir (RM juta)
	1997	1998	1999	2000	2001	
	RM juta					
Wang secara luas (M3) <sup>1</sup>	61,101	10,650	33,131	21,906	12,988	469,484
Mata wang <sup>2</sup>	2,339	-3,177	6,019	-1,949	-92	21,961
Deposit permintaan	80	-5,743	12,403	7,623	2,883	59,453
Separuh wang secara luas	58,682	19,570	14,709	16,232	10,197	388,070
Deposit tetap	46,138	14,909	29,745	8,207	-358	297,595
Deposit tabungan	-3,711	1,259	7,907	6,380	4,454	51,265
NID	10,117	974	-21,864	-931	600	5,438
Repo	3,837	1,052	-2,461	-314	4,186	22,654
Deposit mata wang asing	2,301	1,376	1,382	2,890	1,315	11,118
Faktor Penentu M3						
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	509	-12,290	2,248	4,388	-1,528	-15,907
Tuntutan ke atas Kerajaan	1,855	5,195	-2,907	3,326	4,174	29,823
Tolak: Deposit Kerajaan	1,346	17,485	-5,155	-1,062	5,702	45,730
Tuntutan ke atas sektor swasta	96,050	3,887	-9,792	25,968	20,270	507,256
Pinjaman	87,756	-9,889	-20,377	21,566	17,035	434,548
Sekuriti	8,294	13,776	10,585	4,402	3,235	72,708
Operasi luar bersih	-16,788	51,156	30,046	2,001	3,526	130,213
BNM <sup>3</sup>	-10,892	40,302	17,819	-3,702	3,661	117,203
Sistem perbankan	-5,896	10,854	12,227	5,703	-135	13,010
Pengaruh lain	-18,670	-32,103	10,629	-10,451	-9,280	-152,078

<sup>1</sup> Tidak termasuk pemegangan di antara institusi perbankan.<sup>2</sup> Tidak termasuk pemegangan oleh sistem perbankan.<sup>3</sup> Termasuk kerugian/keuntungan semula kadar pertukaran mata wang asing.**Jadual A.29****Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan Tahunan**

	M3 <sup>5</sup>		M2 <sup>3</sup>		M1 <sup>1</sup>										Deposit di institusi perbankan yang lain <sup>4</sup>		
	Jumlah		Jumlah		Jumlah		Mata wang		Deposit permintaan		Separuh wang secara kecil <sup>2</sup>						
	RM j	%	RM j	%	RM j	%	RM j	%	RM j	%	RM j	%	RM j	%			
1997	61,101	18.5	54,008	22.7	2,779	4.6	2,402	12.6	377	0.9	51,229	28.8	7,093	7.8			
1998	10,650	2.7	4,255	1.5	-9,230	-14.6	-3,187	-14.9	-6,043	-14.4	13,485	5.9	6,395	6.5			
1999	33,131	8.3	40,666	13.7	19,312	35.7	6,534	35.8	12,778	35.6	21,354	8.8	-7,535	-7.2			
2000	21,906	5.0	17,564	5.2	4,769	6.5	-2,517	-10.2	7,286	15.0	12,795	4.9	4,342	4.5			
2001	12,988	2.8	7,771	2.2	2,508	3.2	-115	-0.5	2,623	4.7	5,263	1.9	5,217	5.1			

<sup>1</sup> Mata wang dalam edaran dan deposit permintaan sektor swasta.<sup>2</sup> Terdiri daripada deposit tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga (NID), repo dan deposit mata wang asing oleh sektor swasta yang disimpan dengan bank perdagangan dan bank Islam.<sup>3</sup> M1 campur separuh wang secara kecil.<sup>4</sup> Terdiri daripada deposit tetap dan repo oleh sektor swasta yang disimpan dengan syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskau. Juga termasuk deposit tabungan yang disimpan dengan syarikat kewangan, NID yang disimpan dengan syarikat kewangan dan bank saudagar, deposit mata wang asing yang disimpan dengan bank saudagar dan deposit panggilan dengan syarikat diskau. Tidak termasuk penyimpanan di antara institusi perbankan.<sup>5</sup> M2 campur deposit yang disimpan di institusi perbankan yang lain.

**716 | Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia: Perubahan Sedekad**

<b>Sumber</b>	<b>Pada akhir tempoh</b>												<b>RM Juta</b>
	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	Jun 1999	
Modal dan rizab	3,940.3	5,043.2	6,133.1	7,975.2	8,954.2	9,956.5	16,735.0	20,937.4	25,192.0	35,101.4	37,050.6	36,098.1	
Debentur dan nota	1,441.4	872.5	862.6	484.3	671.6	712.2	1,103.4	1,949.0	3,576.3	4,436.9	3,896.3	4,993.3	
Deposit	65,745.8	74,849.0	82,412.8	96,018.2	112,546.5	140,473.7	160,271.8	196,850.6	243,968.7	300,558.1	307,439.6	322,477.9	
<i>di antaranya:</i>													
<i>IDB yang dikeluarkan</i>	<i>7,599.6</i>	<i>8,552.5</i>	<i>12,012.9</i>	<i>13,811.4</i>	<i>13,107.1</i>	<i>12,820.0</i>	<i>19,389.8</i>	<i>24,541.3</i>	<i>27,467.1</i>	<i>39,660.6</i>	<i>36,858.4</i>	<i>22,733.9</i>	
<i>Repo</i>	<i>4,608.5</i>	<i>5,541.5</i>	<i>7,450.0</i>	<i>5,467.5</i>	<i>6,490.2</i>	<i>8,263.0</i>	<i>9,201.6</i>	<i>9,611.6</i>	<i>11,818.1</i>	<i>15,060.9</i>	<i>15,633.5</i>	<i>12,172.6</i>	
Jumlah belum bayar kepada institusi kewangan & BNM	10,318.6	12,865.8	18,193.6	24,831.9	26,439.3	39,022.1	28,393.4	31,994.5	36,192.4	79,586.2	40,632.9	38,859.9	
Penerimaan jurubank	1,568.7	1,763.1	2,706.7	4,186.9	5,384.0	6,216.6	9,170.3	15,781.1	19,580.5	23,115.4	18,497.5	16,476.7	
Lain-lain	13,756.0	17,221.2	18,976.0	25,055.0	19,856.0	25,856.3	23,546.2	24,699.0	29,597.9	37,450.1	45,975.1	48,431.5	
<b>Jumlah</b>	<b>96,770.8</b>	<b>112,614.8</b>	<b>129,284.8</b>	<b>151,970.4</b>	<b>173,851.8</b>	<b>222,237.3</b>	<b>239,220.0</b>	<b>292,211.5</b>	<b>358,107.8</b>	<b>480,248.1</b>	<b>453,492.0</b>	<b>467,337.4</b>	
<b>Kegunaan</b>													
Wang tunai <sup>1</sup> dan rizab dengan BNM	2,608.3	4,204.2	6,204.7	7,806.6	8,467.6	9,038.0	15,436.0	20,108.5	30,336.1	41,678.7	13,450.2	12,869.0	
Jumlah belum terima drp. institusi kewangan & BNM	12,179.4	16,361.9	15,897.0	16,146.5	27,064.5	56,291.1	44,727.7	45,257.3	37,949.9	63,744.5	57,971.9	70,122.2	
Simpanan dengan rumah diskaun	1,132.9	1,014.4	278.0	667.5	424.4	443.9	2,111.9	1,829.2	3,849.4	6,037.0	1,342.0	1,070.1	
Sekuriti boleh niaga	16,825.9	14,768.0	16,826.5	20,826.0	22,331.0	26,790.7	29,579.0	36,962.6	50,960.1	61,871.1	60,104.0	52,406.9	
<i>di antaranya:</i>													
<i>Bil Perbendaharaan</i>	<i>3,602.5</i>	<i>2,512.9</i>	<i>2,479.8</i>	<i>2,356.0</i>	<i>1,337.9</i>	<i>1,261.9</i>	<i>2,099.3</i>	<i>2,301.4</i>	<i>1,789.4</i>	<i>3,775.2</i>	<i>3,611.9</i>	<i>2,652.6</i>	
<i>Sekuriti Kerajaan</i>	<i>8,239.4</i>	<i>8,414.4</i>	<i>8,345.2</i>	<i>8,859.1</i>	<i>8,975.4</i>	<i>8,122.2</i>	<i>6,241.1</i>	<i>6,462.3</i>	<i>7,726.1</i>	<i>10,206.1</i>	<i>10,750.7</i>	<i>10,588.9</i>	
<i>IDB dipegang</i>	<i>3,256.3</i>	<i>2,438.9</i>	<i>4,187.2</i>	<i>6,985.6</i>	<i>8,101.1</i>	<i>11,077.8</i>	<i>11,374.7</i>	<i>12,528.2</i>	<i>20,776.6</i>	<i>24,321.5</i>	<i>22,005.5</i>	<i>9,184.8</i>	
<i>Bon Cagamas</i>	<i>456.6</i>	<i>660.4</i>	<i>800.6</i>	<i>1,107.0</i>	<i>2,422.3</i>	<i>2,604.2</i>	<i>3,835.0</i>	<i>4,898.5</i>	<i>8,301.7</i>	<i>12,487.6</i>	<i>12,878.0</i>	<i>10,956.9</i>	
Pelaburan	2,272.3	2,706.1	3,554.3	4,033.1	4,584.8	6,353.4	7,771.3	7,833.5	8,770.3	14,073.0	20,306.1	12,206.9	
Pinjaman <sup>2</sup>	56,837.6	67,141.7	80,758.0	97,206.1	105,720.5	117,235.5	134,151.0	175,007.4	217,819.7	276,285.3	285,676.3	285,086.2	
<i>di antaranya:</i>													
<i>Bil dagangan</i>	<i>5,830.7</i>	<i>7,283.5</i>	<i>8,644.5</i>	<i>11,445.2</i>	<i>11,695.7</i>	<i>13,245.1</i>	<i>17,929.2</i>	<i>24,847.6</i>	<i>29,120.7</i>	<i>32,178.3</i>	<i>26,897.3</i>	<i>27,041.9</i>	
Lain-lain	4,914.4	6,418.5	5,766.3	5,284.6	5,259.0	6,084.7	5,442.5	5,413.0	8,422.3	16,558.6	14,641.5	33,576.2	
<b>Jumlah</b>	<b>96,770.8</b>	<b>112,614.8</b>	<b>129,284.8</b>	<b>151,970.4</b>	<b>173,851.8</b>	<b>222,237.3</b>	<b>239,220.0</b>	<b>292,211.5</b>	<b>358,107.8</b>	<b>480,248.1</b>	<b>453,492.0</b>	<b>467,337.4</b>	

<sup>1</sup> Termasuk baki dengan BNM

<sup>2</sup> Tidak termasuk pinjaman perumahan yang telah dijual kepada Cagamas Berhad